

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

KONSEP GASTRO DAKWAH DAN PELAKSANAANNYA DALAM MEMUPUK NILAI TA'DIB DALAM PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI

Penulis: Mohd Zuhaili Kamal Basir, Dr. Muhammad Shahimi Ariffin,
dan Azlan Yusof Punding

Universiti merupakan institusi penting dalam pembentukan individu yang bakal memimpin masyarakat. Usaha ini dapat direalisasikan menerusi pendekatan *Ta'lim* (Pembelajaran), *Tarbiyah* (Bimbingan) dan *Ta'dib* (Pembinaan akhlak). Namun, nilai *Ta'dib* kurang ditekankan dalam sistem pendidikan tinggi dengan fokus utama lebih kepada pencapaian akademik berbanding pembentukan akhlak dan etika siswa. Suasana pembelajaran di universiti sering kali memberi tekanan kepada siswa/i dari segi bebanan tugas akademik dan kehidupan seharian. Pendekatan dakwah yang santai boleh menyediakan satu pelantar untuk mereka berehat, merawat jiwa (*healing*) dan melepaskan tekanan. Aktiviti dakwah yang bersifat santai seperti sesi bual santai, sesi tadarus di taman atau program memasak bersama menjadi pilihan generasi muda untuk lebih dekat dengan ajaran Islam.

Salah satu pendekatan yang mendapat tempat dihati mahasiswa/i adalah pendekatan Gastro dakwah. Gastro Dakwah ialah gabungan antara "gastro" yang merujuk kepada kulinari atau makanan, manakala "dakwah" bermaksud usaha penyebaran ajaran Islam menerusi konsep '*Amar Ma'ruf wa Nahi Munkar*'. Gastro Dakwah adalah pendekatan dakwah yang menggabungkan elemen kulinari dengan penyampaian mesej dakwah. Ia menggunakan medium makanan dan aktiviti memasak sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai Islam, etika dan ahlak Islam. Menerusi pendekatan Gastro Dakwah, budaya melepak dijadikan sebagai satu cara yang produktif untuk memanfaatkan masa lapang. Budaya ini seringkali ditanggapi secara negatif dan dikaitkan dengan aktiviti yang tidak produktif. Sedangkan pendekatan ini boleh diubah menjadi sesuatu yang positif dan bermanfaat seperti menjadi satu medium untuk pembelajaran, pembinaan hubungan sosial yang kukuh dan pengembangan peribadi.

Umumnya, konsep Gastro Dakwah ini termasuk dalam kategori dakwah *bi al-Hal* iaitu dakwah menerusi kenterampilan dan keperibadian samada dilaksanakan secara individu (*fardiyyah*) atau berkelompok (*jama'ah*). Dalam konteks semasa, pendekatan ini digunapakai oleh jemaah Tabligh di Malaysia melalui cara mengajak ahli kariah mengimarahkan surau atau masjid dan dalam masa yang sama, menjamu mereka untuk makan bersama di dalam talam atau dulang bagi mewujudkan rapport dan keselesaan antara pendakwah dan sasaran dakwah. Selain itu, pendekatan ini dikomersialkan melalui platform media elektronik seperti rancangan televisyen berunsur dakwah iaitu rancangan Tanyalah Ustaz, Semanis Kurma, Usrah di hati dan sebagainya. Kini, pendekatan ini diperluaskan lagi mengikut citarasa generasi muda program komuniti dan kesukarelawan yang mengetengahkan elemen jamuan makan dan sembang santai di kafetaria terpilih berkonsepkan kopitiam seperti *Starbuck*, *Zus Coffee* dan sebagainya.



Kaedah sebegini juga dilihat dapat menggalakkan interaksi dan komunikasi antara siswa/i melalui aktiviti berkumpul atau sesi meja bulat. Ini membolehkan mereka berbincang, berkongsi pendapat dan membina persahabatan dalam suasana yang tidak formal. Menyediakan hidangan dalam kuantiti yang banyak dapat memupuk semangat berkongsi rezeki dengan rakan-rakan mereka. Ini juga boleh disertai dengan aktiviti amal seperti mengumpul makanan untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan. Siswa/i bukan sekadar makan bersama tetapi juga terlibat dalam menyediakan makanan untuk golongan yang kurang bernasib baik. Ini menggalakkan semangat kesukarelawanan dan kepedulian sosial sambil mempraktikkan nilai-nilai Islam di dalamnya. Selain itu, aktiviti-aktiviti ini boleh diselitkan dengan pengisian rohani dan hiburan berunsur islamik seperti nasyid, marhaban dan qasidah. Pendekatan ini bukan sahaja menarik dan menyenangkan tetapi juga memastikan mesej-mesej dakwah dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.